



30 Oktober 2024
30 October 2024
P.U. (A) 324

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (FI) 2024

*SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES)
(FEES) RULES 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (FI) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 92 Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 [*Akta 814*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Fi) 2024**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

Fi dan pembayaran fi

2. Fi yang ditetapkan dalam ruang (3) Jadual kena dibayar kepada Ketua Pendaftar bagi perkara yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

JADUAL

[Kaedah 2]

(1) No.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)
1.	Pengeluaran Perakuan Peguam Syarie	500.00
2.	Permohonan bagi Perakuan Amalan Tahunan	150.00
3.	Permohonan bagi suatu cabutan atau salinan daripada Daftar Peguam Syarie	100.00
4.	Pemeriksaan Daftar Pengamal	100.00

Peralihan

3. (1) Apa-apa permohonan bagi suatu Perakuan Amalan Tahunan bagi tahun 2025 yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah disifatkan telah dibuat pada 1 Januari 2025 di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Apa-apa fi yang genap masa dan kena dibayar kepada Ketua Pendaftar bagi apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subkaedah (1) sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibayar mulai 1 Januari 2025.

Dibuat 25 Oktober 2024

[JAKIM.(R). BUU.600-1/1/9 Jld. 3; PN(PU2)764/JLD.3]

DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) ACT 2019

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES)
(FEES) RULES 2024

IN exercise of the powers conferred by section 92 of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) Act 2019 [Act 814], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the ***Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Fees) Rules 2024**.

(2) These Rules come into operation on 1 January 2025.

Fees and payment of fees

2. The fees prescribed in column (3) of the Schedule shall be paid to the Chief Registrar for the matters specified in column (2) of the Schedule.

SCHEDULE

[Rule 2]

(1) No.	(2) Matter	(3) Fees (RM)
1.	Issuance of Certificate of <i>Peguam Syarie</i>	500.00
2.	Application for Annual Practising Certificate	150.00
3.	Application for an extract or a copy of the Register of <i>Peguam Syarie</i>	100.00
4.	Inspection of the Register of Practitioners	100.00

Transitional

3. (1) Any application for an Annual Practising Certificate for the year of 2025 made before the coming into operation of these Rules shall be deemed to be made on 1 January 2025 under these Rules.

(2) Any fees due and payable to the Chief Registrar for any application made under subrule (1) before the coming into operation of these Rules shall be paid from 1 January 2025.

Made 25 October 2024

[JAKIM.(R). BUU.600-1/1/9 Jld. 3; PN(PU2)764/JLD.3]

DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Minister in the Prime Minister's Department
(Religious Affairs)